

KL hoskan persidangan perumahan mampu milik

KUALA LUMPUR: Kuala Lumpur (KL) akan menjadi hos Persidangan Pembinaan dan Pembiayaan Perumahan Mampu Milik Asia, buat julung kalinya pada 2 hingga 3 April ini.

Cagamas Bhd dan Kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan bersama hari ini berkata persidangan itu bakal menghimpunkan pemimpin utama daripada sektor awam dan swasta, pemimpin kewangan dan teknologi kewangan, inovator, selain pakar perumahan hijau dan berdaya tahan bencana untuk membincangkan penyelesaian dan cabaran bagi membina dan membiayai perumahan mampu milik.

"Dengan populasi penduduk bandar Asia yang mencecah 3.3 bilion menjelang 2050, keperluan untuk perumahan mampu milik telah mencapai tahap kritikal. Terdapat keperluan mendesak untuk membina perumahan mampu milik yang berkualiti berdasarkan tema persidangan iaitu 'Penyelesaian untuk perumahan yang selamat, mencukupi, mampu milik kepada semua'," kata kenyataan itu.

Pengerusi Cagamas Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berharap persidangan dan perkongsian pada majlis itu akan memberikan pemahaman kepada sektor awam dan swasta untuk bekerjasama bagi menambah baik dan menyediakan perumahan mampu milik di Malaysia dan Asia.

Sementara itu Wakil Kumpulan Bank Dunia Ke Malaysia dan Pengurus Negara, Dr Firas Raad berkata membangunkan pasaran kewangan perumahan bagi memenuhi permintaan untuk rumah berdaya tahan dan mampu milik, bukan sahaja mampu mengatasi defisit pembiayaan rumah yang dihadapi kebanyakan negara.

Malah ia juga mewujudkan pekerjaan, kekayaan dan menjana banyak manfaat tidak langsung seperti kesihatan yang lebih baik.